

NBOS strategi berkesan

► *Jimatkan kos jabatan dan agensi kerajaan*

LABUAN: Strategi Lautan Biru (NBOS) merupakan strategi berkesan dalam membantu menjimatkan kos sebuah jabatan mahupun agensi kerajaan.

“Kerjasama semua jabatan kerajaan melalui NBOS ini membolehkan seseorang pejabat kerajaan atau agensi lain membantu dan berganding bahu melaksanakan sesuatu program yang dibuat.

Demikian kata Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perbandaran) Perbadanan Labuan Rithuan Mohd Ismail ketika merasmikan Program Santai Merdeka@Komuniti, di sini pada Khamis.

Katanya, keadaan ini bertepatan dengan hasrat kerajaan dalam melaksanakan perbelanjaan berhemah bagi setiap Kementerian untuk melaksanakan sesuatu program.


“Pembabitian bersama jabatan-jabatan, agensi-agensi kerajaan melalui NBOS tersebut dapat membantu daripada pelbagai aspek seperti tenaga kerja, kewangan,

penyediaan tempat dan lain-lain lagi,” katanya lagi.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Penerangan Labuan Azman Sipan berkata, majlis tersebut bagi mengahgairi peranan dan kerjasama yang telah diberikan oleh pelbagai jabatan kerajaan melalui NBOS serta rakan strategik dan Komuniti Malaysia terhadap program-program yang telah dijalankan pada sambutan bulan kebangsaan yang lepas.

Beliau optimis kerjasama NBOS tersebut dapat diteruskan di samping merapatkan lagi hubungan erat antara jabatan kerajaan yang ada di Pulau Labuan ini.

Pada majlis tersebut, ketua-ketua jabatan, komuniti-komuniti Malaysia Labuan serta rakan-rakan strategik menerima plak penghargaan bagi mengahgairi kerjasama yang telah diberikan. Turut hadir, Timbalan



PENGERUSI MPP Sub Zon 4 Labuan Haji Che Mat Haji Mustapha menerima plak penghargaan daripada Rithuan (tiga dari kanan), sambil diperhatikan oleh Azman (kiri sekali), Fadzilah (dua dari kiri), Rahimah (kanan sekali) dan Mazlan (dua dari kanan).

Ketua Pegawai Eksekutif Pengarah Jabatan Hal Timbalan Pengerusi KIM (Pengurusan) Perbadanan Ehwal Khas (JASA) Labuan Labuan Mazlan Mohd Dim. Labuan, Fadzilah Mahmud, Rahimah Lamat serta -Penerangan Labuan

“Kerjasama semua jabatan kerajaan melalui NBOS ini membolehkan seseorang jabatan kerajaan atau agensi lain membantu dan berganding bahu melaksanakan sesuatu program yang dibuat.”



HADIRIN yang hadir merakamkan gambar kenangan bersama tetamu kehormat.

RITHUAN MOHD ISMAIL
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perbandaran) Perbadanan Labuan